

## **D.R. 37/96**

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

### **RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996. Tajuk ringkas.
2. Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan adalah dipinda dalam subseksyen 6A(4) dengan memasukkan selepas perkataan "kecuali seksyen ini" perkataan "dan seksyen 26". Pindaan seksyen 6A. Akta 239.

### **HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda subseksyen 6A(4) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 untuk membolehkan Menteri menggantung, di bawah seksyen 26 Akta itu, pembayaran pencen yang layak dibayar kepada mana-mana orang yang telah bersara tetapi kemudiannya dilantik semula sebagai pekerja tetap sesuatu pihak berkuasa berkanun atau pihak berkuasa tempatan. Penggantungan ini berkuatkuasa hanya selama tempoh lantikan semula itu.

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbdanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1953.]